

No. Sebut harga: **SH(AK)7/2022**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA  
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN**

**JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA  
JALAN SULTAN YAHYA PETRA  
50578 KUALA LUMPUR**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)
1.	KENDERAAN PACUAN 4 RODA (4 x 4), SSANGYONG REXTON	WRT 959	1	6,000.00

2. Aset boleh dilihat pada **13 Oktober 2022** hingga **27 Oktober 2022** di antara jam **10.00 pagi** hingga **4.00 petang** di **Tempat letak Kenderaan Ibu Pejabat Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia**. Sebarang pertanyaan berkaitan urusan ini boleh berhubung terus dengan **Encik Mohd Amierullah Shafiq bin Khalid** di talian **03-26170410**.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh **90 hari**.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga **SH(AK)7/2022** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

**Unit Perolehan  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia  
Tingkat 12, Wisma JUPEM  
Jalan Sultan Yahya Petra  
50578 Kuala Lumpur**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **28 Oktober 2022** jam 12.00 tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

  
\_\_\_\_\_  
**(UMA MANIAM)**

Bahagian Khidmat Pengurusan  
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia

Tarikh: **20 / 10 / 22**

No. Sebut harga: SH(AK)7/2022

### SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak **5%** daripada harga tawaran bagi setiap aset atau **RM5,000.00** mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Cek/Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA**.
3. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan salinan kad pengenalan (perseorangan) atau Sijil Pendaftaran Syarikat (Syarikat).
4. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
5. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (***as-iswhere-is basis***).
6. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
7. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (***dismantle***), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh **satu (1) minggu** dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
9. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh **14 hari** selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.